

**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT ADLY BIN ZAHARI
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG KOPERASI TENTERA KE-57**

TARIKH : 18 JUN 2023 (AHAD)

TEMPAT : DEWAN PERKASA, WISMA PERWIRA ATM

MASA : 10.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Bin Buang TUDM
Panglima Angkatan Tentera
Merangkap Yang Dipertua Koperasi Tentera

Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Rahman Bin Ayob
Panglima Tentera Laut
Merangkap Naib Yang Dipertua Koperasi Tentera

Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain Bin Jantan
Timbalan Panglima Tentera Darat
Mewakili Panglima Tentera Darat

Yang Berbahagia Puan Rosidah Ramli
Pengarah Penyeliaan & Tadbir Urus
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Roba'i Bin Rahmat
Pengerusi Koperasi Tentera

Yang Berbahagia Encik Mohd Ghazali Bin Abbas
Ketua Pegawai Eksekutif Koperasi Tentera

Anggota lembaga koperasi, tuan-tuan dan puan-puan serta anggota Koperasi Tentera yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama hadir pada hari ini bagi menjayakan **Mesyuarat Agung Koperasi Tentera ke-57**.
2. Pada pagi ini, saya berasa kagum dan teruja melihat anggota Koperasi Tentera dari pelbagai peringkat hadir untuk menyertai mesyuarat agung tahunan. Ini jelas membuktikan bahawa tuan-tuan dan puan-puan amat komited dalam menyokong aktiviti koperasi, terutamanya dalam memastikan mesyuarat agung pada hari ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, dan hala tuju koperasi diposisikan di landasan yang betul.
3. Syabas saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan atas semangat, komitmen dan kesungguhan yang dipamerkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anggota lembaga, pihak pengurusan dan seluruh anggota Koperasi di atas inisiatif dan usaha anda semua sehingga berjaya mengekalkan Koperasi Tentera di antara yang terbaik di negara ini. Saya difahamkan bahawa Koperasi Tentera telah **diiktiraf sebagai koperasi premier** di Malaysia selama tiga tahun berturut-turut dengan pegangan aset bernilai lebih RM3 bilion.
5. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan dan sudah tentu ianya terhasil dari usaha semua pihak yang telah melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen yang tinggi. Syabas saya ucapkan!

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Koperasi Tentera sememangnya mempunyai rekod prestasi kewangan yang cemerlang dan konsisten. Ini jelas di mana, **prestasi kewangan pada tahun 2022 terus kekal positif** dengan pendapatan bersih berjumlah RM256 juta dan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM154 juta.
7. Berdasarkan prestasi semasa, saya telah dimaklumkan bahawa lembaga koperasi akan mencadangkan **pemberian dividen** pada kadar **7%** kepada **156,156 anggotanya** bagi tahun kewangan 2022 dalam mesyuarat yang akan dijalankan sebentar nanti. Pada hemat saya, pemberian dividen ini jelas membuktikan Koperasi Tentera masih mampu memberikan pulangan yang tinggi secara konsisten kepada anggotanya, walaupun negara sedang berhadapan dengan suasana ekonomi yang mencabar. Sekali lagi, syabas saya ucapkan kepada anggota lembaga dan pengurusan Koperasi Tentera di atas pencapaian ini.

Selanjutnya,

8. Seperti yang kita semua sedia maklum, Koperasi Tentera kini dalam fasa untuk **merangsang pertumbuhan** ke peringkat yang lebih tinggi iaitu dalam **bidang perniagaan berdasarkan platform digital**. Saya yakin kepimpinan Koperasi mampu untuk merealisasikan visi ini.
9. Selari dengan aspirasi digital, Koperasi Tentera telah memperkenalkan **pembentangan Ezycash-i dalam talian**. Saya percaya, banyak lagi produk berunsurkan digital akan dilancarkan pada tahun ini untuk manfaat para anggota. Tahniah saya ucapkan kepada barisan kepimpinan kerana sentiasa inovatif dalam menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada semua.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Berteraskan objektif Koperasi Tentera iaitu **kebajikan anggotanya**, Koperasi Tentera telah menyalurkan pelbagai bentuk insentif bernilai lebih **RM17 juta** dalam tempoh 10 tahun ini. Ia telah berjaya memanfaatkan seramai **42,706 anggota** meliputi aspek pendidikan, perubatan dan derma am. Selain itu, sumbangan **khairat kematian** sebanyak **RM572,000** telah turut disalurkan kepada waris anggota pada tahun 2022.
11. Seterusnya, masih kekal dengan fokus kebajikan anggota, pihak Koperasi Tentera juga telah menawarkan **dua produk insurans** bagi memberikan perlindungan optimum dan premium sepanjang tempoh 10 tahun ini, iaitu **Skim Takaful Berkelompok ATM** dan **Skim Medic Koperasi Tentera**. Pada tahun 2022, sebanyak RM18.5 juta bayaran pampasan telah dibuat di bawah Skim Takaful Berkelompok, manakala RM13.1 juta bagi Skim Medic dalam tempoh yang sama.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Hari ini merupakan hari pemilihan anggota lembaga Koperasi yang baharu bagi menggantikan anggota yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka. Bagi saya, amalan demokrasi yang termaktub dalam prinsip-prinsip Koperasi adalah perkara yang perlu dihormati agar setiap keputusan dibuat berdasarkan suara majoriti demi mencapai kepentingan bersama.
13. Kepada mereka yang bertanding, saya berharap anda semua telah melengkapkan diri dalam segala aspek, iaitu keilmuan dan sahsiah, berintegriti serta bersedia memberi khidmat dengan penuh komitmen, dedikasi dan ikhlas kepada Koperasi.

14. Pesanan saya kepada anggota sekalian, teruskan memberi sokongan kepada barisan anggota lembaga dan pengurusan yang baharu demi kestabilan dan pembangunan Koperasi ini pada masa hadapan.
15. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua anggota lembaga, pihak pengurusan dan kakitangan Koperasi Tentera di atas perkhidmatan yang telah diberikan selama ini. Anggaplah kejayaan hari ini sebagai satu cabaran untuk kita lebih cemerlang di masa hadapan.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KOPERASI TENTERA KE-57.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.